

ISNIN 9 MEI 2016

RELASIS PSP RANGKUL TEMPAT KETIGA

Relasis PSP rangkul tempat ketiga

PERMATANG PAUH - Briged Rela Siswa Siswi (Relasis) Politeknik Seberang Perai (PSP) berjaya mendapat tempat ketiga dalam Kem Tahunan Relasis Politeknik Malaysia 2016 ke-3 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu, baru-baru ini.

Program yang diadakan selama lima hari itu berlangsung dengan pelbagai aktiviti antaranya pertandingan jalan lasak 3.95 kilometer (KM) dengan beban, pertandingan kawad kaki, pertandingan menembak jatuh piring senapang patah dan M16 dan juga pertandingan malam kebudayaan Relasis.

Jurucakap Relasis PSP berkata, pasukannya berjaya merangkul johan bagi kategori jalan lasak 3.95 km dengan beban 2.5 kilogram dan johan bagi pertandingan malam kebudayaan Relasis.

Menurutnya, walaupun mendapat tempat ketiga pasukannya tidak mengalah

dan menganggap ia sebagai cabaran serta pemberi semangat untuk mereka lakukan yang lebih baik pada kem yang akan datang nanti.

"Kami sangat berbangga dan mengagumi semangat dan komitmen tinggi yang diberikan oleh kontinjen Politeknik Seberang Perai sepanjang aktiviti berlangsung.

"Walaupun tidak merangkul juara keseluruhan, namun kami tetap berbangga apabila mendapat tempat ketiga terbaik daripada 18 politeknik yang menyertai kem ini," katanya.

Johan keseluruhan kem ini dimenangi oleh Politeknik Merlimau Melaka (PMM) dan naib johan dimenangi Politeknik Kuching Sarawak (PKS).

Majlis penutup kem berkenaan telah disempurnakan oleh wakil Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Azizi Lin.



Relasis PSP bergambar bersama selepas diumumkan memenangi tempat ketiga.